

Ruj. kami: (5) MBPJ/090100/T/A6 Jld. 11
Tarikh: 11 Oktober 2012

KENYATAAN AKHBAR

JADUAL LOKASI KAUNTER EZ-PAY BULAN OKTOBER 2012

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA akan membuka kaunter bergerak ez-pay pada bulan Oktober 2012. Aktiviti ini merupakan usaha atau langkah pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat pada waktu puncak terutamanya. Di samping itu, kaunter bergerak ez-pay ini juga di harap dapat menggalakkan dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk hadir ke kaunter bergerak yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Sebagai makluman, antara kawasan-kawasan yang akan dilawati adalah seperti berikut:

| BIL | TEMPAT | HARI | TARIKH | MASA |
|-----|---|--|--|--|
| 1 | PJU 1A/5 (Berhampiran Apartment Sri Meranti) | Isnin - Jumaat | 01.10.2012 - 05.10.2012 | 10.00 pg - 3.00 ptg |
| 2 | SD 12/ 2 (Berhampiran Sekolah Kebangsaan SD 12) | Isnin – Jumaat Sabtu - Ahad | 08.10.2012 - 12.10.2012 13.10.2012 - 14.10.2012 | 10.00 pg - 3.00 ptg 09.00 pg - 3.00 ptg |
| 3 | PJU 6A Jalan Masjid | Isnin - Jumaat Sabtu - Ahad (20 -21.10.2012) | 15.10.2012 - 19.10.2012 Kaunter ditutup | 10.00 pg - 3.00 ptg |
| 4 | SS 2 (Berhampiran Pasar Pagi Taman Megah) (Diselaraskan dengan Minggu Kempen & Mengemaskini Akaun Cukai Taksiran Oktober 2012) | Isnin - Khamis Jumaat - Ahad (26 - 28.10.2012) | 22.10.2012 - 25.10.2012 Kaunter ditutup Hari Raya Qurban | 10.00 pg - 3.00 ptg |
| 5 | PJU8/ 9 Flora Damansara (Berhampiran Blok B) | Isnin – Jumaat Sabtu - Ahad | 29.10.2012 - 02.11.2012 03.11.2012 - 04.11.2012 | 10.00 pg - 3.00 ptg 09.00 pg - 3.00 ptg |

Diharapkan dengan adanya hebahan ini akan melancarkan segala urusan dan perancangan yang telah dirancang. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter ez-pay ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik pihak media untuk membuat hebahan kepada orang ramai, kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my